

# UMS raih empat bintang dalam penarafan MyRA®

UB 19.10.16 A3

**KOTA KINABALU:** Universiti Malaysia Sabah (UMS) telah mencapai peningkatan yang membanggakan apabila berjaya memperolehi empat bintang dalam penarafan Malaysia Research Assessment (MyRA®) 2015.

Keputusan rasmi penarafan MyRA® telah diumumkan oleh Pengarah Bahagian Perancangan Kecemerlangan IPT, Jabatan Pendidikan Tinggi, Kementerian Pendidikan Tinggi Prof Dr Raha Abdul Rahim.

Pengumuman itu dibuat dalam satu surat rasmi bertarikh 13 Oktober 2016 yang dialamatkan kepada Naib Canselor UMS Prof Datuk Dr Mohd Harun Abdullah.

Harun dalam satu kenyataan kemudiannya melahirkan rasa bangga dengan menyifatkan pencapaian itu sebagai satu peningkatan yang memberangsangkan hasil kerjasama seluruh warga UMS.

“Sejak 2013, penarafan MyRA® UMS telah meningkat kepada pencapaian tiga bintang, dan terkini pada tahun 2015, kita merasa gembira apabila pencapaian universiti terus meningkat dengan meraih pengiktirafan empat bintang.

“Ini merupakan hasil kerjasama seluruh warga UMS yang sentiasa memberikan komitmen padu dan menyokong perancangan pihak pengurusan UMS dalam membawa universiti ini terus maju ke hadapan,” katanya.

Penilaian MyRA® adalah berdasarkan lapan kriteria utama iaitu Kuantiti dan Kualiti Penyelidik, Kuantiti dan Kualiti Penyelidikan, Kuantiti Pascasiswazah, Kualiti Pascasiswazah, Inovasi, Perkhidmatan Profesional dan Hadiah, Jaringan dan Jangkauan, serta Fasiliti Sokongan.